

Bil. S 50

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERIKANAN (PINDAAN), 2014

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan S 13/2010.
 3. Pemasukan bab 26A baru.
 4. Pindaan bab 27.
 5. Pemasukan bab 56A baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERIKANAN (PINDAAN), 2014

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perikanan (Pindaan), 2014.

Pindaan S 13/2010.

2. Bab 9 dari Perintah Perikanan, 2009, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas ceraian (2) ceraian baru yang berikut —

“(3) Tanpa menjejaskan keluasan makna ceraian-ceraian (1) dan (2), arahan yang disebut dalam ceraian-ceraian itu boleh termasuk suatu arahan bahawa tiada permohonan lesen boleh dibuat berkenaan dengan kawasan, spesies atau komuniti ekologi yang dicadangkan untuk dinyatakan dalam mana-mana pelan perikanan yang disebut dalam bab 5 dalam tempoh bermula pada tarikh penyiaran arahan itu dalam *Warta Kerajaan* dan berakhir —

(a) pada tamatnya tempoh 12 bulan selepas tarikh itu; atau

(b) pada hari pelan perikanan itu mula berkuat kuasa, mengikut mana yang berlaku dahulu.”.

Pemasukan bab 26A baru.

3. Bab 26 dari Perintah utama adalah dipinda dengan menambah sejurus selepas bab 26 bab baru yang berikut —

“Kewajipan am untuk mencegah atau mengurangkan kemudaratan kepada persekitaran di dalam rizab laut atau taman laut.

26A. (1) Mana-mana orang yang menggunakan atau memasuki suatu rizab laut atau taman laut hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mencegah atau mengurangkan kemudaratan kepada persekitaran di dalam rizab laut atau taman laut itu yang mungkin atau akan disebabkan oleh penggunaan atau kemasukan orang itu.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), “kemudaran” termasuk yang berikut —

(a) apa-apa kesan buruk;

(b) kemudaran langsung atau tidak langsung;

(c) setakat mana kemudaran telah disebabkan oleh penggunaan atau kemasukan orang itu (sama ada atau tidak perkara lain telah menyebabkan kemudaran itu).

(3) Dalam menentukan sama ada segala langkah yang munasabah telah diambil, perhatian hendaklah diberikan kepada yang berikut —

(a) jenis kemudaran kepada persekitaran yang mungkin atau akan berpunca daripada penggunaan atau kemasukan orang itu;

(b) risiko kemudaran daripada penggunaan atau kemasukan orang itu;

(c) sensitiviti persekitaran yang mungkin atau akan terjejas oleh penggunaan atau kemasukan orang itu;

(d) langkah-langkah yang boleh dipraktikkan, termasuk kos, yang akan mencegah atau mengurangkan kemudaran;

(e) sama ada atau tidak penggunaan atau kemasukan orang itu mematuhi undang-undang yang dikenakan di dalam suatu rizab laut berhubung dengan persekitaran atau sumber alam;

(f) sama ada atau tidak penggunaan atau kemasukan orang itu mematuhi mana-mana tata amalan, piawaian atau garis panduan yang berkaitan;

(g) sama ada atau tidak penggunaan atau kemasukan orang itu menurut apa-apa syarat suatu lesen yang diberikan di bawah Perintah ini.”.

Pindaan bab 27.

4. Bab 27 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas perenggan (c) dua perenggan baru yang berikut —

“(ca) membuat fotografi, penggambaran atau rakaman bunyi hidupan akuatik;

(cb) membina atau memasang talian, kabel, talian paip, tali laluan dan struktur berkaitan di dalam, di atas atau di bawah dasar suatu rizab laut atau taman laut;”.

Pemasukan bab 56A baru.

5. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 56 bab baru yang berikut —

“Anggapan berhubung dengan rizab laut atau taman laut.

56A. (1) Tertakluk kepada ceraiian (2), jika —

(a) mana-mana ikan;

(b) apa-apa peralatan menangkap ikan atau kelengkapan lain untuk menangkap ikan; atau

(c) apa-apa kelengkapan fotografi, penggambaran atau rakaman bunyi,

dijumpai di dalam sesebuah vesel di mana-mana rizab laut atau taman laut, ikan, kelengkapan atau peralatan menangkap ikan, atau kelengkapan fotografi, penggambaran atau rakaman bunyi, hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya —

(i) telah ditangkap di dalam mana-mana rizab laut atau taman laut tanpa suatu lesen; atau

(ii) telah digunakan untuk menangkap ikan, fotografi, penggambaran atau rakaman bunyi di dalam mana-mana rizab laut atau taman laut tanpa suatu lesen.

(2) Jika vesel itu dihentikan, dinaiki dan digeledah di bawah Bahagian XIII dan ia menunjukkan bukti bahawa —

(a) ikan di dalam vesel itu disimpan dalam geladak tertutup; dan

(b) kelengkapan atau peralatan menangkap ikan, atau kelengkapan fotografi, penggambaran atau rakaman bunyi, sempurna disimpan dan ditutup rapi di dalam vesel itu supaya ia tidak mudah digunakan untuk menangkap ikan atau untuk membuat fotografi, penggambaran atau rakaman bunyi,

ini adalah menjadi suatu pembelaan dalam prosiding kerana suatu kesalahan terhadap Perintah ini.”.

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 25 haribulan Ogos, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM